



ADVANCED INTERNATIONAL JOURNAL OF
BUSINESS, ENTREPRENEURSHIP AND SME'S
(AJBES)
www.ajibes.com



PEMBIAYAAN MIKRO KREDIT QARD HASAN MELALUI DANA ZAKAT: ANALISIS PELAKSANAANNYA DI NEGERI KEDAH

QARD HASAN MICROCREDIT FINANCING THROUGH ZAKAT FUNDS: ANALYSIS OF ITS IMPLEMENTATION IN KEDAH

Mohamad Ihsan Zulkifli¹, Fathullah Asni^{2*}, Ahmad Yusairi Yusli³

¹ Faculty of Islamic Studies, Kolej Universiti Islam Perlis, Malaysia
Email: ihsanzul95@gmail.com

² Bahagian Pengajian Islam, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, Malaysia
Email: fathullah@usm.my

³ Faculty of Islamic Studies, Kolej Universiti Islam Perlis, Malaysia
Email: ahmad_yusairi@kuips.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 18.04.2024

Revised date: 13.05.2024

Accepted date: 15.06.2024

Published date: 30.06.2024

To cite this document:

Zulkifli, M. I., Asni, F., & Yusli, A. Y. (2024). Pembiayaan Mikro Kredit Qard Hasan Melalui Dana Zakat: Analisis Pelaksanaannya Di Negeri Kedah. *Advanced International Journal of Business Entrepreneurship and SMEs*, 6 (20), 193-202.

DOI: 10.35631/AJBES.620016.

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Abstrak:

Qard hasan merupakan suatu kontrak dalam muamalat Islam yang merujuk kepada pinjaman tanpa faedah. Ia sebagai salah satu cara memberikan bantuan kewangan kepada golongan yang memerlukan tanpa dibebankan dengan faedah ketika pembayaran semula oleh peminjam. Instrumen ini menonjolkan konsep ta'awun dan ihsan sebagai hikmah dalam pensyariaan akad qard hasan sebagai suatu akad yang berasaskan tabarru' (kebajikan). Disebabkan perkara tersebut, konsep akad ini dilihat tidak komersial sebagai sebuah produk oleh institusi perbankan yang bermotifkan keuntungan. Oleh itu, konsep qard hasan ini berpotensi dilaksanakan melalui instrumen zakat disebabkan tujuan dan asas yang sama iaitu membantu golongan yang memerlukan. Kajian ini dilaksanakan bagi melihat pelaksanaan pembiayaan mikro kredit-qard hasan menggunakan dana zakat oleh Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) melalui program Smart Sawah Berskala Besar Asnaf (Smart SBBA). Kajian ini dijalankan melalui kaedah kualitatif iaitu menggunakan kajian perpustakaan dan kajian lapangan untuk pengumpulan data. Penyelidikan dilaksanakan dengan meneliti artikel, statut, buku dan pekeliling berkaitan. Dari aspek empirikal, kajian lapangan telah dijalankan dengan kaedah temu bual tidak berstruktur dengan seorang pegawai LZNK. Dapatan kajian mendapati program Smart SBBA yang dianjurkan oleh LZNK ini merupakan satu kaedah membantu golongan asnaf bagi menambah pendapatan bulanan dengan melibatkan asnaf dalam pengusahaan sawah padi. Sepanjang tempoh tersebut

juga, para peserta juga diberikan pinjaman secara qard hasan melalui dana zakat sebagai sara hidup. Didapati program ini berjaya membantu golongan asnaf keluar daripada kancan kemiskinan selain berpotensi menjadi pembayar zakat untuk masa hadapan.

Kata Kunci:

Qard Hasan, Pembiayaan Mikro, Zakat, LZNK, Kedah

Abstract:

Qard hasan is an Islamic contract that pertains to interest-free lending in financial transactions. It serves as a means to provide financial assistance to individuals in need without imposing interest charges during loan repayment. This instrument underscores the principles of cooperation (ta'awun) and benevolence (ihsan) as the underlying wisdom behind the implementation of the qard hasan contract as a benevolence-based agreement. Consequently, banking institutions driven by profit perceive this contract as non-commercial in nature. Therefore, the concept of qard hasan holds potential for application through zakat instruments due to their shared purpose and foundation of aiding those in need. This study aims to examine the implementation of microcredit financing through qard hasan using zakat funds by Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) through the Smart Sawah Berskala Besar Asnaf (Smart SBBA) program. Qualitative methods, including library research and field research for data collection, were employed in this study. The research involved the examination of articles, statutes, books, and relevant circulars. From an empirical perspective, field research entailed conducting unstructured interviews with an LZNK officer. The study findings indicate that the Smart SBBA program, organized by LZNK, is an initiative aimed at assisting asnaf groups in augmenting their monthly income by involving them in paddy field cultivation. Throughout the program's duration, participants also received qard hasan loans made possible by zakat funds to support their livelihoods. The program has proven successful in alleviating poverty among the asnaf groups and holds potential for transforming them into zakat payers in the future.

Keywords:

Qard Hasan, Microcredit, Zakat, LZNK, Kedah

Pendahuluan

Zakat merupakan instrumen penting dalam Islam yang memfasilitasi penghubungan antara golongan berada dengan golongan kurang berkemampuan. Menurut Ibrahim (2008), jika pelaksanaan dan pengurusan zakat dilakukan secara efisien, potensinya dalam mempengaruhi aspek sosioekonomi adalah signifikan, terutamanya dalam mengurangkan kadar kemiskinan di kalangan umat Islam. Sebagai salah satu dari Rukun Islam, zakat bukan hanya fungsi ibadah tetapi juga mekanisme redistribusi kekayaan yang bertujuan untuk membantu mereka yang memerlukan. Ini secara tidak langsung dapat mengurangi kesenjangan ekonomi yang sering kali memisahkan masyarakat kepada kelas-kelas sosial yang berbeza, sekaligus meningkatkan kesejahteraan sosial dan keharmonian dalam Masyarakat (Asni et al., 2023).

Kemiskinan merupakan isu kritikal yang memerlukan perhatian serius dalam masyarakat, kerana ia bukan hanya melibatkan kekurangan material tetapi juga boleh memicu peningkatan

kadar jenayah dan memperlebar jurang sosial antara golongan kaya dan miskin. Kajian oleh Salleh (2014) menunjukkan bahawa kemiskinan boleh mengakibatkan sikap negatif dan potensi konflik sosial dalam sebuah komuniti. Oleh itu, penanganan isu kemiskinan bukan hanya tanggungjawab sosial tetapi juga kestabilan social (Asni et al., 2023).

Dalam Islam, kekayaan yang diberikan oleh Allah SWT sepatutnya dinikmati oleh semua lapisan masyarakat, tidak terbatas kepada golongan tertentu sahaja (Ibrahim, 2008). Prinsip keadilan sosial dalam Islam menggariskan bahawa kekayaan harus disalurkan secara adil di antara semua lapisan masyarakat. Salah satu instrumen yang diakui efektif dalam Islam untuk menangani masalah kemiskinan adalah zakat. Zakat bertindak sebagai alat redistribusi kekayaan dan sebagai mekanisme sokongan sosial yang menyediakan pembiayaan kepada golongan asnaf, yang termasuk mereka yang memerlukan, untuk meningkatkan taraf sosioekonomi mereka. Melalui pelaksanaan zakat yang efektif, dapat dilihat potensi besar dalam mengurangkan beban kemiskinan dan memperbaiki kualiti hidup masyarakat secara keseluruhan (Asni et al., 2023).

Selain itu, al-Qaradawi (2003) berpandangan bahawa dana zakat diberikan kepada individu yang berhutang bagi membantu mereka menyelesaikan masalah hutang sama ada hutang berunsur riba ataupun tidak, apatah lagi sekiranya ia diberikan dalam bentuk pinjaman yang bebas riba maka ia lebih utama. Hal ini bertujuan mengelakkan mereka daripada terperangkap dalam sistem pembiayaan konvensional yang berunsur riba. Pembiayaan melalui dana zakat merupakan suatu langkah bagi menghalang golongan asnaf ini terlibat dengan hutang yang berunsur riba ditambah pula ia akan membebaskan mereka. Faedah yang dikenakan akan menggandakan hutang yang dipinjam sehingga golongan asnaf akan dibelenggu dengan masalah kemiskinan (Ibrahim, 2016; Hasbulah et al., 2022).

Justeru, zakat merupakan satu instrumen ekonomi Islam yang dapat membantu mengurangkan jurang sosial antara golongan kaya dengan golongan miskin. Ia berupaya mengurangkan kadar kemiskinan dalam masyarakat, pada masa yang sama dapat menghindarkan golongan asnaf daripada terlibat dalam pembiayaan yang melibatkan riba. Zakat dilihat sebagai satu mekanisme yang efektif dalam usaha untuk mengatasi masalah kemiskinan (Ibrahim, 2018; Halim et al., 2022). Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk meneliti pelaksanaan pembiayaan mikro kredit-*qard hasan* di Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) menerusi program Smart Sawah Berskala Besar Asnaf (Smart SBBA) dalam membantu golongan petani miskin di negeri Kedah.

Metodologi Kajian

Reka bentuk kajian ini adalah berbentuk kualitatif, yang mana menggunakan pendekatan perpustakaan serta kajian lapangan dalam pengumpulan data. Dalam penyelidikan perpustakaan, bahan-bahan seperti artikel, statut, buku, dan pekeliling yang berkaitan telah dikaji secara mendalam. Secara empirikal, kajian lapangan dilaksanakan melalui kaedah temu bual tidak berstruktur bersama seorang pegawai dari Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK), yang bertugas sebagai Pengurus Pusat Kajian Pengantarabangsaan. Data yang diperolehi melalui temu bual ini telah ditranskrip secara verbatim dan kemudiannya dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan untuk mendapatkan pemahaman yang lebih mendalam tentang subjek kajian.

Perbincangan Dapatan Kajian

Pembiayaan Mikro-Qard Hasan Melalui Program Smart Sawah Berskala Besar Asnaf (Smart SBBA)

Pembiayaan mikro kredit merupakan satu skim pembiayaan yang diberikan kepada usahawan mikro dan peniaga kecil untuk membantu mereka mendapatkan modal dalam bentuk kredit yang kecil. Tujuan utama skim ini adalah untuk menyediakan sokongan kewangan kepada usahawan yang ingin memulakan atau mengembangkan perniagaan mereka dengan jumlah pembiayaan yang terhad, biasanya tidak melebihi RM50,000 (Bank Negara Malaysia, 2014). Menurut Krishnamurti (2005) pembiayaan mikro kredit terdapat tiga komponen asas. Pertama, pembiayaan tersebut dapat dimanfaatkan dalam pelbagai sektor pekerjaan. Kedua, pembiayaan tersebut hanya ditawarkan kepada golongan miskin yang tidak mempunyai modal. Ketiga, prosedur yang digunakan bagi pembiayaan tersebut mudah difahami oleh masyarakat.

Istilah *qard hasan* pula merujuk kepada suatu akad perjanjian pinjaman antara pemiutang dengan peminjam, di mana pemiutang memberi sejumlah wang atau harta kepada peminjam dalam tempoh tertentu. Peminjam seterusnya berjanji akan membayar dengan harta yang sama nilai kepada pemiutang sama seperti jumlah harta yang dipinjamnya dahulu dan tidak lebih daripada itu. Tujuan pemiutang memberikan pinjaman ini bukan untuk menjana keuntungan tetapi untuk membuat kebajikan (Sabran, 1997). Oleh itu, pembiayaan mikro kredit-*qard hasan* difahami sebagai suatu skim pembiayaan yang disediakan oleh institusi kewangan kepada golongan miskin atau peniaga kecil untuk memulakan perniagaan serta penerima tersebut hanya perlu membayar semula jumlah wang yang dipinjamkan tanpa bayaran tambahan.

Institusi-institusi zakat di Malaysia secara umumnya telah mengambil beberapa pendekatan dalam pengagihan dana zakat kepada para asnaf. Antara pendekatan tersebut adalah pengagihan zakat secara produktif melalui program keusahawanan yang menfokuskan kepada peningkatan taraf hidup golongan fakir dan miskin agar mampu keluar daripada kemiskinan. Melalui pendekatan tersebut, beberapa kaedah pengagihan dana zakat produktif telah dilaksanakan antaranya adalah program pembiayaan mikro kredit-*qard hasan* oleh Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK). Perkara ini seperti yang dinyatakan oleh responden:

“Mikro kredit *qard hasan* ini sebenarnya tidak menjadi masalah kerana kita di Kedah telah melaksanakan instrumen ini melalui Smart Sawah.”

LZNK telah menerajui Program Zon Pembangunan Ekonomi Ummah (ZPEU) sebagai inisiatif penting dalam menyokong pembangunan ekonomi. Program ini memberi tumpuan kepada golongan yang rentan dalam kalangan masyarakat Islam, terutamanya golongan B40 yang terdiri daripada asnaf dan fakir miskin. Melalui program ZPEU ini, mereka bekerjasama dalam menjayakan projek Smart Sawah Berskala Besar Asnaf (Smart SBBA). Inisiatif ini merupakan satu usaha LZNK dalam membangunkan dan memperkasa golongan asnaf dan komuniti tempatan di negeri Kedah (Maamor & Che Halim, 2023). Responden menyatakan:

“Smart Sawah adalah satu program yang memberikan peluang kepada petani (asnaf) untuk mengusahakan tanah bendang milik zakat.”

Majoriti rakyat Kedah terlibat dengan pertanian menanam padi sesuai dengan jolokan Negeri Jelapang Padi, namun majoriti petani padi di Kedah berada di bawah garis kemiskinan. Oleh

yang demikian, LZNK mengambil tanggungjawab membantu meningkatkan taraf ekonomi golongan ini melalui industri padi (Lembaga Zakat Negeri Kedah [LZNK], 2021). Berdasarkan kenyataan responden tersebut, difahami bahawa LZNK mempunyai tanah seluas 700 relung (hampir 200 hektar) bertaburan dalam beberapa daerah dalam negeri Kedah seperti di Yan dan Alor Setar. Sawah-sawah ini sebelum projek SSBB telah disewakan kepada petani dengan kadar sewa mengikut pasaran semasa dan dikuasai oleh golongan petani yang mempunyai modal melangkaui beberapa generasi. Petani miskin tidak mampu dan tidak berpeluang untuk mengusahakannya (Maamor & Che Halim, 2023).

Projek Smart SBBA ini telah dilancarkan bermula dari daerah Yan dan Kota Setar. Ia juga akan diteruskan ke kawasan lain seperti Kuala Muda dan Kubang Pasu. Selain daripada menggunakan tanah milik LZNK sepenuhnya, projek ini juga membuka peluang kepada pemilik tanah persendirian atau yang dipajak untuk menyertai dalam projek ini. Hal ini secara tidak langsung akan melibatkan lebih banyak komuniti setempat dalam pembangunan projek Smart SBBA tersebut (LZNK, 2021).

Selain itu, LZNK juga menanggung segala kos berkaitan seperti kos benih, baja, racun serta upah menuai. Perkara ini dapat meringankan beban peserta yang menyertai program ini. Para peserta turut mendapat pembiayaan Mikro Bangkit berbentuk *qard hasan* daripada Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) sebanyak RM5,000 setiap musim atau RM1,000 secara bulanan (LZNK, 2021). Perkara ini seperti yang dinyatakan responden:

“Dalam masa yang sama, setiap bulan mereka akan menerima amaun bulanan sebanyak RM1,000.”

Pembiayaan Mikro Bangkit berbentuk *qard hasan* tersebut dapat dimanfaatkan oleh peserta untuk menampung keperluan keluarga selama empat bulan sebelum hasil padi dapat dituai (LZNK, 2021). Pinjaman tanpa faedah ini dapat menjamin sumber pendapatan yang bersih tanpa melibatkan unsur-unsur yang tidak dibenarkan Islam. Selain itu, setiap pendapatan per musim yang diterima oleh peserta akan dibuat penolakan zakat secara terus oleh LZNK. Perkara ini memastikan setiap peserta terjaga hartanya apabila diperoleh kerana matlamat pembayaran zakat itu sendiri sebagai kaedah menyucikan harta (Ismail et al., 2023).

Program Smart SBBA ini dilihat mampu memberi impak yang signifikan kepada umat Islam pada masa akan datang. Antara manfaat yang diperoleh termasuklah pengeluaran beras untuk saraan asnaf negara, pembangunan rantai nilai Halal Agro-makanan Negara, membuka peluang pekerjaan dan meningkatkan taraf kehidupan, mengukuhkan sumber kewangan bagi LZNK, pengukuhan kedudukan global dan mengukuhkan jalinan kerjasama sesama agensi agro makanan negara (Maamor & Che Halim, 2023).

Sumber Dana yang Digunakan bagi Pelaksanaan Program Smart SBBA

Program Smart SBBA dijalankan menggunakan hibah hasil daripada dana zakat asnaf amil yang diletakkan dalam akaun simpanan BIMB. Hibah daripada dana zakat asnaf amil tersebut dimanfaatkan oleh BIMB bagi tujuan Pembiayaan Mikro Bangkit dengan memberi pinjaman *qard hasan* kepada peserta Smart SBBA. Pembiayaan tersebut dapat digunakan oleh peserta untuk menyara diri dan keluarga sementara menunggu hasil padi dapat dituai. Selain itu, dana tersebut juga digunakan oleh LZNK bagi menjayakan program ini dengan menanggung kos-kos berkaitan. Perkara ini seperti yang dinyatakan oleh responden:

“Kita guna hibah daripada bahagian amil yang disimpan dalam akaun simpanan. Dana yang kami gunakan untuk buat pinjaman *qard hasan* ini adalah melalui dana amil. Maksudnya kita letakkan simpanan itu dalam Bank Islam, bila dapat hibah, maka kita gunakan dana itu untuk *support* program ini.”

Berdasarkan takrifan asnaf di negeri Kedah, amil merupakan pihak yang dilantik oleh K.D.M.M Tuanku Sultan untuk menjalankan tugas-tugas pengurusan zakat meliputi pungutan dan agihan (LZNK, 2021). Berdasarkan takrifan tersebut, difahami bahawa LZNK merupakan pihak yang dilantik dan bertanggungjawab dalam mengurus hal ehwal zakat dari sudut pungutan, agihan dan sebagainya, maka dana amil merupakan milik institusi tersebut. Oleh itu, LZNK mempunyai hak dalam menggunakan dana amil tersebut termasuklah memperuntukkan sebahagiannya bagi tujuan pembiayaan mikro kredit-*qard hasan* kepada usahawan asnaf.

Selain itu, responden juga menyatakan bahawa penggunaan dana asnaf amil ini tidak menjejaskan hak asnaf lain yang lebih memerlukan seperti asnaf fakir dan miskin. Responden menyatakan bahawa:

“Bila kita guna hibah dari sumber amil ini, jadi tidak terjejas bahagian asnaf yang lain.”

Penggunaan dana amil juga merupakan satu langkah dalam meraikan khilaf antara fuqaha yang membenarkan dan yang tidak membenarkan penggunaan dana zakat untuk diberikan secara *qard hasan* kepada asnaf. Apabila dana amil digunakan sebagai sumber dana, maka tiada lagi isu berkaitan keharusannya disebabkan dana amil tersebut telah menjadi milik LZNK.

Pengurusan Risiko dalam Pelaksanaan Program Smart SBBA

Responden menyatakan bahawa pembayaran balik pinjaman merupakan antara risiko utama program Smart SBBA ini. Responden menyatakan:

“Budaya kita dari sudut nak membayar itu yang menjadi risiko dalam program ini. Mungkin ini boleh kita kaitkan dari sudut *attitude* sebab di Aceh berjaya program ini. Sikap sebahagian dari kita menganggap bahawa bila wang zakat ini diberikan, maka tiada tindakan apa boleh dibuat kalau kita tak bayar.”

Responden menyatakan bahawa kefahaman masyarakat dalam pengagihan zakat adalah tiada pembayaran balik oleh penerima. Kefahaman ini bertitik tolak daripada pengamalan institusi zakat yang telah diamalkan sehingga hari ini iaitu pengagihan secara *tamlik* (menjadi milik asnaf) tanpa perlu pembayaran balik. Hasilnya, penerima pembiayaan tersebut menganggap apabila tiada pembayaran balik pinjaman dalam tempoh yang ditetapkan, institusi zakat tidak boleh mengenakan sebarang denda atau tindakan ke atas penerima.

Langkah yang dilihat perlu diambil oleh institusi zakat dalam mengatasi risiko tersebut ialah mewujudkan kerjasama pintar antara institusi zakat dengan pihak berautoriti yang berpengalaman dalam pengurusan kredit. Responden menyatakan bahawa:

“Oleh itu, strategi yang sesuai untuk basmi sikap ini adalah kita buat kerjasama dengan Bank Islam. Jadi, bila orang berurusan dengan bank, selalunya orang

risau kalau tak bayar. Mereka risau nama mereka akan *blacklist* dan dikenakan tindakan.”

Antara kaedah yang berkesan bagi memastikan program ini berjalan dengan seperti yang dirancang adalah menerusi kerjasama pintar antara institusi zakat dengan pihak yang berautoriti (Ibrahim, 2016). Hal ini demikian kerana institusi zakat kurang berpengalaman dalam program pembiayaan mikro kredit seperti ini, maka pengalaman daripada pihak-pihak yang berautoriti penting bagi mengelakkan sebarang kegagalan. Antara pengalaman yang boleh dipelajari adalah cara pembayaran balik yang berkesan (Muhd Adnan & Che Roselam, 2018).

Menurut responden, kerjasama pintar antara institusi zakat dan pihak berautoriti yang berpengalaman seperti Bank Islam Malaysia Berhad dapat membantu dalam membina persepsi peserta bahawa sekalipun pembiayaan ini bersumberkan dana zakat, namun sekiranya terdapat keengganan atau kegagalan untuk membayar balik pinjaman tersebut, tindakan boleh diambil seperti disenarai hitam daripada menyertainya semula.

Seterusnya, responden menyebut antara langkah dalam memastikan program Smart SBBA ini berjaya adalah dengan menyediakan latihan kepada peserta. Responden menyatakan bahawa:

“Latihan *financial management* diperlukan. Boleh juga kita tawarkan kursus kemahiran berdasarkan sektor yang mereka terokai supaya mereka boleh berjaya dalam sektor yang mereka buat. Macam di Kedah memang kita ada berikan kursus-kursus kemahiran bagi tujuan meningkatkan kemahiran mereka dalam bidang tersebut.”

Latihan atau kursus merupakan satu aspek yang penting dalam keberhasilan program keusahawanan asnaf (Muhd Adnan & Che Roselam, 2018). Menurut Azman et al. (2014), faktor yang menyebabkan kegagalan program keusahawanan dan bantuan modal yang disediakan oleh institusi zakat adalah kekurangan ilmu dan kemahiran berkaitan bidang yang diusahakan oleh peserta.

Responden menyatakan bahawa kursus pengurusan kewangan merupakan perkara yang perlu diberi penekanan kepada peserta program ini. Kursus ini penting bagi meningkatkan pengetahuan peserta dalam pengurusan kewangan agar tidak berlaku pembaziran dana zakat. Selain itu, responden juga menyatakan bahawa pihak institusi zakat juga menyediakan kursus kemahiran bagi peserta program pembiayaan mikro bertujuan meningkatkan kemahiran mereka dalam bidang tersebut. Aspek latihan dan kursus ini penting dalam meningkatkan produktiviti dan mendedahkan peserta berkenaan ilmu perusahaan yang betul (Muhd Adnan & Che Roselam, 2018).

Aspek pemilihan peserta juga antara yang disentuh oleh responden bagi memastikan program ini berjaya. Menurut Muhd Adnan & Che Roselam (2018), institusi zakat perlu meletakkan syarat dan kriteria dalam pemilihan asnaf yang layak menyertai program ini. Pemilihan peserta penting bagi memastikan komitmen peserta dalam mengikuti program ini dalam tempoh yang ditetapkan. Responden menyatakan bahawa:

“Pilihan peserta ini adalah melalui imam. Imam tahu dia punya kariah tu bagaimana, sama ada dia ni malas ataupun tidak.”

Responden menyatakan bahawa pemilihan peserta program Smart SBBA daripada kalangan asnaf ini melibatkan imam atau pengurus bagi kariah yang didiami oleh asnaf tersebut. Hal ini disebabkan imam di sesebuah kariah lebih mengetahui keadaan dan sikap penduduk di kariah tersebut. Melalui kaedah ini, asnaf yang dilihat layak oleh imam merupakan salah satu faktor untuk asnaf tersebut dipilih sebagai peserta program Smart SBBA ini.

Aspek pemantauan merupakan perkara yang perlu diberi penekanan oleh institusi zakat. Hal ini demikian kerana peserta perlu berusaha melihatkan prestasi mereka dalam tempoh yang ditetapkan sekaligus dapat menjadikan mereka lebih bertanggungjawab (Muhd Adnan & Che Roselam, 2018). Menurut Abd Rahman et al. (2014), antara faktor utama bantuan modal program keusahawanan asnaf gagal adalah ketiadaan pemantauan secara berkala terhadap peserta program tersebut. Perkara ini antaranya berpunca daripada kekurangan tenaga kerja yang ditugaskan untuk memantau perkembangan semasa peserta. Oleh itu, LZNK mengambil pendekatan dengan melibatkan staf institusi zakat sendiri seperti yang dinyatakan responden:

“Staf kita sendiri akan turun pantau perjalanan program tersebut dan dalam masa yang sama, staf kita juga akan terlibat. Ini pun satu cara berkesan untuk isu pemantauan..”

Kaedah pemantauan yang dilaksanakan ini bukan sahaja dapat mengelakkan masalah asnaf goyang kaki selepas menerima pembiayaan, malah ia juga mampu melihatkan kesungguhan warga institusi zakat dalam membantu peserta daripada golongan asnaf agar menambah sumber pendapatan kemudiannya dapat keluar daripada kepompong kemiskinan.

Penutup

Berdasarkan perbincangan di atas, LZNK antara institusi zakat di Malaysia yang terkehadapan dalam melaksanakan pengagihan dana zakat melalui pembiayaan mikro kredit *qard hasan*. Usaha yang dilakukan ini dilihat berupaya membantu meningkatkan pendapatan golongan asnaf fakir dan miskin melalui aktiviti pertanian tanaman padi. Selain itu, ia mampu mencegah golongan asnaf ini menjadi mangsa pinjaman yang berasaskan riba sama ada daripada pihak institusi perbankan konvensional mahupun lintah darat seperti ceti haram. Dalam usaha menjayakan program ini, pihak institusi juga mengamalkan pengurusan yang profesional dengan menjalin kerjasama pintar bersama pihak berutoriti yang berpengalaman seperti BIMB. Aspek pemilihan peserta yang berkeelayakan, latihan kemahiran tanaman padi dan pemantauan secara berkala merupakan kaedah pengurusan risiko yang diberikan penekanan oleh LZNK bagi memastikan program ini berjaya mencapai matlamatnya iaitu mengeluarkan peserta asnaf daripada kemiskinan.

Penghargaan

Penyelidikan ini ditaja oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) Malaysia melalui Skim Geran Penyelidikan Fundamental (Ruj: FRGS/1/2022/SSI13/KUIPS/02/1). Penulis juga mengucapkan terima kasih kepada pihak pengurusan Kolej Universiti Islam Perlis dan Universiti Sains Malaysia kerana menyokong kerja penyelidikan ini.

Rujukan

Abd Rahman, A., Ali Bashah, M. Y., Abdullah, M., Nooh, M. N. & Mohd Fauzi, A. A. (2014). Keberkesanan Program Usahawan Asnaf Oleh Institusi Zakat dalam Menginterpretasikan Keharmonian Ummah [Pembentangan Kertas Kerja].

- International Conference of Arabic Studies and Islamic Civilization ICASIC, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Al-Qardawi, Y. (2003). *Fiqh al-Zakah: Dirasah Muqaranah lil Ahkamiha wa Falasafatiha fi Zhou'i al-Quran wa al-Sunnah*. Maktabah Wahbah.
- Asni, F., Noor, A. M., Hasbulah, M. H., Rani, M. A. M., & Abd Mutalib, H. (2023). Analysis Of Maips Strategies In Zakat Management To Address The Impact Of Covid-19 In Perlis. *Journal of Namibian Studies: History Politics Culture*, 35, 1189-1209.
- Asni, F., Yusli, A. Y., & Zulkifli, M. I. (2023). Micro Credit-Qard Hasan Financing Mechanism Through Zakat Funding By Baznas Indonesia. *Journal of Namibian Studies: History Politics Culture*, 35, 2643-2659.
- Asni, F., Zulkifli, M. I., Yusli, A. Y., Ahmad, K. A., & Hasbulah, M. H. (2023). Micro Credit-Qard Hasan Financing Through Zakat Fund (Mczf) According To The Views Of Islamic Contemporary Scholars. *Journal of Namibian Studies: History Politics Culture*, 35, 1544-1564.
- Bank Negara Malaysia (2014). *Soalan dan Jawapan Berkaitan Pembiayaan Mikro dan Tabung Perusahaan Mikro*. Bank Negara Malaysia. http://www.bnm.gov.my/documents/sme/FAQ_on_pembiayaan_mikro_bm.pdf.
- Halim, W. M. A. W., Asni, F., Noor, A. M., & Hasbulah, M. H. (2022). Strategy in Zakat Collection and Distribution by LZS in Selangor During Covid-19. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 12(8), 1965-1977.
- Hasbulah, M. H., Noor, A. M., Asni, F., Halim, W. M. A. W., & Zuki, M. F. M. (2022). Management of zakat collection and distribution during the Covid-19 pandemic: a case study on Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM). *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*. 12 (7), 1394-1404.
- Ibrahim, M. A. (2018). *Pembiayaan Mikro dalam Kalangan Usahawan Asnaf di Lembaga Zakat Selangor (LZS)*. Universiti Sains Malaysia.
- Ibrahim, P. (2008). *Pembangunan Ekonomi Melalui Agihan Zakat: Kajian Empirikal dalam Jurnal Syariah*, Kuala Lumpur. Penerbit Universiti Malaya.
- Ibrahim, P. (2016). Mengoptimumkan Pembiayaan Dana Zakat Untuk Golongan Miskin dan Memerlukan [Pembentangan Kertas Kerja]. Persidangan Mikro Kredit Islam George Town, Pulau Pinang, Malaysia.
- Ismail, M.S.I., Fazial, F., Kasim, N. H. & Abu Bakar, S. (2023, 21-22 Jun). Empowering Asnaf through Effect Distribution Practises: Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK), Malaysia [Pembentangan Kertas Kerja]. Kedah International Conference on Social Science and Humanities UiTM Kedah, Malaysia.
- Krishnamurti, B. (2005). Pengembangan keuangan mikro bagi pembangunan Indonesia. *Media Informasi Bank Perkreditan Rakyat*, 4, 1-19.
- Lembaga Zakat Negeri Kedah [LZNK]. (2021, Disember 22). *Sawah Milik LZNK Dijadikan Estet Padi*. Portal Rasmi LZNK. <https://www.zakatkedah.com.my/sawah-milik-lznk-dijadikan-estet-padi/>
- Maamor, S. & Che Halim, R. A. (2023). *Program Pembangunan Ekonomi Ummah Sebagai Pencetus Transformasi Asnaf*. Institut Penyelidikan dan Inovasi Zakat (IPIZ).
- Muhd Adnan, N. I. & M. A. Che Roslam. (2018). Pengagihan Dana Zakat dalam Bentuk Pembiayaan Mikro untuk Usahawan Miskin di Malaysia. *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa*, 12(1).

- Sabran, O. (1997). Pinjaman dan Pembiayaan Tanpa Riba: Kajian Terhadap Sistem Muamalat Islam di Malaysia Masa Kini [Tesis Doktor Falsafah yang tidak diterbitkan]. Universiti Malaya.
- Salleh, M. S. (2014). Mengatasi Kemiskinan Melalui Zakat di Malaysia: Kajian Terhadap Tiga Faktor Yang Mempengaruhinya. *Media Syariah*, 16(1), 389-406.
- Temu bual bersama Pengurus Pusat Kajian Pengantarabangsaan dilakukan di pejabat Lembaga Zakat Negeri Kedah pada tarikh 31 Julai 2023.